

Angka Giliran _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

JKE 211 - Mikroekonomi I

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TUJUH BELAS muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA soalan daripada Bahagian A dan pilih SATU soalan daripada Bahagian B.

Tulis jawapan anda di ruangan yang disediakan di dalam kertas soalan ini sahaja.

Alat mesinkira elektronik tidak berprogram boleh digunakan.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Serahkan KESELURUHAN kertas peperiksaan ini kepada Ketua Pengawas di akhir sidang peperiksaan. Pelajar yang gagal berbuat demikian akan diambil tindakan disiplin.

Angka Giliran: _____

Pusat Peperiksaan : _____

Tarikh Peperiksaan : _____

...2/-

BAHAGIAN A

Soalan 1 (35 markah)

- a) Bezakan antara perubahan di dalam permintaan dengan perubahan di dalam kuantiti diminta. Nyatakan kepentingan perbezaan ini kepada seseorang pengusaha firma.

(5 markah)

b) Diberi fungsi permintaan seperti berikut:

$$Q_D = 1,200 - 5P$$

Q_D = kuantiti diminta (unit)

P = harga (sen)

(i) Jika $P = 160$, dapatkan jumlah kuantiti yang dibeli.

(2 markah)

(ii) Hitung keanjalan permintaan pada harga $P = 160$.

(2 markah)

...4/-

- (iii) Jika harga meningkat kepada 185 sen cari kuantiti yang dijual dan keanjalan lengkung permintaan antara harga 160 sen dan 185 sen.

(2 markah)

- c) Nyatakan kesan ke atas harga dan kuantiti keseimbangan (sama ada meningkat atau menurun) jika berlaku perubahan berikut di dalam sesuatu pasaran.

- (i) Pendapatan pengguna menurun dan barang adalah normal.

(2 markah)


- (ii) Harga barang pengganti menurun.

(2 markah)

...5/-

- (iii) Harga input untuk mengeluarkan barang tersebut menurun.

(2 markah)



- (d) Rajah di atas menunjukkan keluk puas sama En. Tan. Garis belanjawan LZ dan harga barang Y ialah RM20 seunit.

...6/-

(i) Dapatkan jumlah pendapatan En. Tan.

(3 markah)

(ii) Harga barang X seunit ialah _____.

(3 markah)

(iii) Tulis persamaan garis belanjawan LZ.

(3 markah)

(iv) Apakah kombinasi barang X dan Y yang akan dipilih oleh En. Tan dan berikan sebabnya.

(3 markah)

- (v) Berapakah nilai kadar penggantian marginal untuk kombinasi di atas (di dalam iv).

(3 markah)

- (vi) Mengapakah keluk puas sama tidak memotong antara satu sama lain.

(3 markah)

Soalan 2 (35 markah)

- a) Bezakan antara isokuan dan isoklin.

(4 markah)

...8/-

- b) Apakah laluan pengembangan dan mengapakah ianya dikatakan satu isoklin istimewa?

(4 markah)

- c) Syarikat YB mempunyai suatu proses pengeluaran yang menggunakan dua input buruh (L) dan modal (K). Fungsi pengeluarannya seperti berikut

$$Q = L^{0.2} K^{0.6}$$

Q = output

Harga L seunit ialah RM 3.00, K seunit RM 1.00 dan harga seunit Q = RM 10.00.

- (i) Dapatkan fungsi keluaran sut buruh dan keluaran sut modal.

(3 markah)

(ii) Tentukan kadar pergantian sut teknikal buruh untuk modal.

(3 markah)

(iii) Dapatkan fungsi laluan pengembangan.

(3 markah)

(iv) Tuliskan fungsi jumlah kos.

(3 markah)

...10/-

- (v) Cari kuantiti optimum buruh dan modal yang perlu digunakan.
(3 markah)
- (vi) Hitung kuantiti output yang dapat dihasilkan daripada penggunaan input yang optimum itu.
(3 markah)
- (vii) Berapakah keuntungan yang diperolehi oleh Syarikat YB jika jumlah kos ialah RM 1000.00.
(3 markah)

(viii) Berikan tafsiran keanjalan pengeluaran yang bernilai 0.72.

(3 markah)

d) Sebuah firma monopoli mempunyai permintaan yang diberi oleh persamaan $P = 8400 - 3Q$ dan kos purata jangka panjang $LAC = 900 - 3Q + Q^2$. Dapatkan

(i) harga dan kuantiti output yang memaksimumkan keuntungan.

(1.5 markah)

(ii) nilai untung maksimum firma.

(1.5 markah)

...12/-

Bahagian B (30 markah)

Jawab SATU soalan sahaja. Pilih sama ada soalan No. 3 atau No. 4.

Soalan 3

- a) Seorang pengurus kilang tekstil berpendapat output harus ditingkatkan selagi hasil purata melebihi kos purata. Beri pandangan anda tentang kenyataan ini.

(10 markah)

- b) Bezakan antara pengeluaran dalam masa jangka pendek dan jangka panjang. Jelaskan kepentingan perbezaan itu untuk seseorang pengurus firma.

(10 markah)

- c) Takrifkan pulangan bertambah ikut skel dan terangkan hubungan antara pulangan bertambah ikut skel dengan kos purata.

(10 markah)

Soalan No. 4

- a) Berikan penjelasan dengan disertakan gambar rajah tentang pernyataan:

“Firma persaingan sempurna mengeluarkan output yang lebih tinggi pada harga yang lebih rendah dengan menggunakan faktor-faktor pengeluaran yang lebih cekap jika dibandingkan dengan firma monopoli.”

(10 markah)

- b) Huraikan diskriminasi harga darjah pertama dan darjah ketiga.

(10 markah)

- c) Bincangkan dua dasar yang boleh dilaksanakan kerajaan untuk mengawal kesan-kesan buruk firma monopoli.

(10 markah)